



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah



**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan didaftarkan dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB dalam kategori dan pengkhususan yang berkaitan bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :-

**CADANGAN MENAIKTARAF MAIN SWITCH BOARD (MSB) DI PENCAWANG ELEKTRIK DAN KERJA-KERJA BERKAITAN
DI KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM) KUANTAN, PAHANG.**

NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT SEBUT HARGA/LAWAT TAPAK	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN SEBUT HARGA	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
086/2026/0023	Gred : G3 (Negeri Pahang Sahaja) Kategori : ME Pengkhususan : E04	04/06/2026 (Khamis) 10.30 pagi DEWAN AL-JAZARI KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM), KUANTAN, PAHANG	05/06/2026 (Jumaat) Hingga 25/06/2026 (Khamis)	RM50.00	25/06/2026 (Khamis) (sebelum 12.00 tengah hari)
** SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT SEMASA MENGHADIRI SESI TAKLIMAT SEBUT HARGA **					

- Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
 - SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK) oleh CIDB
 - SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) oleh CIDB
 - SIJIL TARAF BUMIPUTERA (STB) oleh PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)
 Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA semasa sesi pendaftaran dan membeli dokumen. MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.
- Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat secara BANK DRAF / KIRIMAN WANG / DEBIT CARD atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) serta melalui <https://bayar.maraeps.my> dan wang ini tidak akan dikembalikan. Satu (1) kontraktor hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.
- Dokumen sebut harga boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 petang), / (2.00 petang - 4.30 petang) Hari Isnin - hari Khamis, (8.30 pagi - 12.15 tengahari), / (2.45 petang - 4.30 petang) Hari Jumaat di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.
- Kontraktor yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat sebut harga seperti alamat di atas. WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat sebut harga dan membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA berdaftar yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pembelian dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan CIDB untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat sebut harga tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh MARA semasa menghadiri taklimat sebut harga.
- Kontraktor TIDAK DIBENARKAN mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Sebut Harga Di Luar Bidang Pengkhususan" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB dan " Surat Kebenaran Khas menyertai sebut harga bagi Gred yang lebih tinggi/rendah" adalah juga tidak diterima.
- Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.
- MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Sebut Harga dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga seperti di alamat di bawah :

**PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER)
LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA, 21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR
Sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga jam 12.00 tengah hari**

- Dokumen sebut harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup sebut harga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
- Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
- Sebarang urusan sebut harga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.